*60 tahun*

# Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 1957-2017

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 6-10, Blok C7, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 8885 6000
Faks: +603 8888 5036
URL: http://www.spa.gov.my

© Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Cetakan Pertama 2017

60 tahun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 1957-2017
ISBN 978-983-43600-5-4

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa keizinan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

60 tahun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 1957-2017
Pasukan Editorial : Raja Adnan bin Raja Ibrahim, Nurshakirah binti Md Samsudin,
Nurulazraq bin Mohamad, Norrahimah binti Baharuddin

ISBN 978-983-43600-5-4
1. Malaysia. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam--1957-2017.
2. Civil service--Malaysia.
I. Raja Adnan bin Raja Ibrahim. II. Nurshakirah binti Md Samsudin
III. Nurulazraq bin Mohamad IV. Norrahimah binti Baharuddin
V. Judul : Enam puluh tahun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
(1957-2017)
351.595

Dicetak oleh:
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.
No.11 Jalan Tun Perak 6, Taman Tun Perak
43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.
Tel.: 03-9105 6473
Faks.: 03-9105 6469

# Sidang Editorial


**PENAUNG**
Tan Sri Arpah binti Abdul Razak

**PENASIHAT**
Dato' Zainal Abidin bin Ahmad
Ikhbal Hanam bin Mukras

**PASUKAN EDITORIAL**
Raja Adnan bin Raja Ibrahim
Nurshakirah binti Md Samsudin
Nurulazraq bin Mohamad
Norrahimah binti Baharuddin

**KERJASAMA KHAS**
Ahli-Ahli Suruhanjaya



**PENGHARGAAN**
Bahagian Pengambilan
Bahagian Pengambilan Khas
Bahagian Perkhidmatan
Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
Bahagian Peperiksaan
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Pengurusan
Bahagian Dasar dan Perancangan
Bahagian Urus Setia Mesyuarat
Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan
Pejabat Penasihat Undang-Undang
Urus Setia Cawangan Sabah
Urus Setia Cawangan Sarawak

**PENGHARGAAN KHAS**
Arkib Negara Malaysia

# Kandungan


| | |
|---|---|
| Perutusan Pengerusi | 1 |
| Prakata Setiausaha | 3 |
| Latar Belakang | 8 |
| Sejarah Penubuhan dan Bidang Kuasa SPA | 14 |
| Ringkasan Perkembangan SPA | 24 |
| Kaedah Pengambilan | 34 |
| 1950 an | 60 |
| 1960 an | 66 |
| 1970 an | 74 |
| 1980 an | 82 |
| 1990 an | 86 |
| 2000 an | 96 |
| 2010 an | 124 |





**Tan Sri Arpah Binti Abdul Razak**
*Pengerusi*
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



# PERUTUSAN PENGERUSI SPA

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

Saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas izin dan kurniaNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dapat menerbitkan buku 60 Tahun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 1957-2017.

Buku ini mengandungi peristiwa-peristiwa yang sangat besar maknanya khusus kepada warga SPA dan Perkhidmatan Awam Malaysia amnya, semenjak Suruhanjaya ini ditubuhkan.

Ia akan mengingatkan kita kepada kerja keras yang telah kita langsaikan dalam melaksanakan amanah yang dipikul demi negara yang tercinta.

Kisah kejayaan dan jerit perit orang yang terdahulu melakar denai akan terpahat dalam buku ini dan pastinya boleh dijadikan panduan dan pedoman kepada generasi hari ini dan akan datang.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat dalam menerbitkan buku ini. Saya berdoa semoga segala usaha yang kita lakukan akan diberkati dan dipermudahkan oleh Allah S.W.T. jua.

**TAN SRI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK**
*Pengerusi*
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



**DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD**
*Setiausaha*
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



# PRAKATA SETIAUSAHA SPA

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

Pertamanya, saya menyatakan rasa syukur kehadrat Illahi dan memberi penghargaan serta ucapan tahniah kepada pasukan editorial yang telah bertungkus-lumus mencari bahan dan menyiapkan buku ini sehingga berjaya diterbitkan.

Penerbitan buku 60 Tahun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 1957-2017 ini pada mulanya diuji dengan kesukaran kerana bahan-bahan sejarah mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak dikumpul dan disimpan dengan sempurna pada masa dahulu.

Namun, dengan keterbatasan dan kekangan yang dihadapi, pasukan editorial tidak patah semangat dan tetap meneruskan usaha sehingga akhirnya buku ini berjaya juga diterbitkan.

Saya berharap buku ini akan menjadi rujukan dan panduan kepada Ahli-Ahli Suruhanjaya dan pegawai-pegawai SPA dalam memahami bagaimana Suruhanjaya berfungsi melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya.

**DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD**
*Setiausaha*
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

# LATAR BELAKANG


BLOK C7
BLOK C7



**YBhg. Datuk Ir. Anjin bin Haji Ajik**
*19.07.2017 - 18.07.2020*

**YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam**
*30.11.2016 - 29.11.2019*

**YBhg. Datuk Md Yahaya bin Basimin**
*30.11.2016 - 29.11.2019*

**Encik Ronnie anak Edward**
*17.02.2016 - 16.02.2019*

**YBhg. Dato' Norzam bin Mohd Nor**
*10.7.2015 - 9.7.2018*

Timbalan Pengerusi
**YBhg. Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof**
*30.11.2016 - 29.11.2019*

# AHLI-AHLI SURUHANJAYA



**YBhg. Datuk Dr.Narimah Nor binti Yahaya**
*30.11.2016 - 29.11.2019*

**YBhg. Dato'Abdul Ghafar bin Musa**
*30.11.2016 - 29.11.2019*

**YBhg. Datuk Yeow Chin Kiong**
*30.11.2016 - 29.11.2019*

**YBhg. Dato' Selwyn Vijayarajan Das**
*17.02.2016 - 16.02.2019*

**YBhg. Dato' Sri Abd.Shukor bin Ibrahim**
*10.7.2015 - 09.07.2018*

Pengerusi
**YBhg. Tan Sri Arpah binti Abdul Razak**
*23.7.2015 - 22.7.2018*

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah ditubuhkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia termasuk Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah yang diketuai oleh seorang Setiausaha.





## PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan mengikut Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan

## PENUBUHAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT

Perkara 144(5B)(i) Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 3(3), *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 Negeri Perlis* dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 Negeri Sembilan* memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

Selaras dengan peruntukan tersebut, lembaga tatatertib dan lembaga kenaikan pangkat telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan fungsi Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat.

## WAKIL SURUHANJAYA DALAM SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

Selaras dengan Perenggan 140(3)(d) Perlembagaan Persekutuan, seorang Ahli Suruhanjaya turut dipilih mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Suruhanjaya Pasukan Polis.

## TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- Melantik.
- Mengesahkan.
- Memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen.
- Menaikkan pangkat.
- Menukar.
- Menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

## BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perenggan 132(1)(c) Perlembagaan Persekutuan.
- Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perenggan 132(1)(f) Perlembagaan Persekutuan.
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

## KUASA SURUHANJAYA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM

*Negeri Melaka dan Pulau Pinang*
Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.



*Negeri Sembilan*
Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment* 1959 Negeri Sembilan dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order, 1961 Negeri Sembilan* selaras dengan peruntukan Fasal (2) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- Pengelola Bijaya Diraja.
- Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar.
- Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar.
- Pegawai Kerani kepada Undang.
- Penghulu.

*Negeri Perlis*
Selaras dengan peruntukan Fasal (2) Perkara 139, Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment* 1958 Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extended Jurisdiction) Order, 1960 Negeri Perlis* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang

ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis kecuali:

- Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu.
- Pegawai dalam Bahagian IV.
- Penghulu dan Penolong Penghulu.
- Pekerja bergaji hari.

## KUASA SURUHANJAYA YANG DIWAKILKAN

Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakilkan kuasanya kepada kementerian/jabatan dan pentadbiran negeri bagi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen. Setakat ini, perwakilan kuasa yang diberikan adalah seperti berikut:

- perwakilan kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara untuk melantik secara kontrak Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri dan Timbalan Menteri melalui P.U.(B) 16/1998.
- perwakilan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan untuk melantik, mengesah dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan di bawah bidang kuasa perkhidmatan awam Negeri Sembilan melalui P.U.(B) 74/1993.

## PENARIKAN BALIK PERWAKILAN KUASA DI BAWAH P.U.(B) 496/1997

Mulai 1 April 2014, SPA telah menarik semula kuasa yang diwakilkan kepada Kementerian/Jabatan sebagaimana dalam suratcara Perwakilan Kuasa 1997 [P.U.(B) 496/1997]. Semua urusan pelantikan dan perkhidmatan bagi jawatan Gred 16 dan ke bawah dilaksanakan oleh SPA sepenuhnya. SPA akan bekerjasama dengan kementerian/jabatan untuk mengendalikan tatacara pengambilan bermula daripada proses pengiklanan sehingga proses pengeluaran surat lantikan dengan pemantauan SPA. Walau bagaimanapun, Kementerian/Jabatan perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya sebelum tawaran pelantikan kepada calon.



# SEJARAH PENUBUHAN DAN BIDANG KUASA SPA


SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
BLOK C4 & C5
BLOK C2 & C3

Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan

144. (6) Sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai boleh mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1) berkenaan dengan apa-apa gred perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya, atau kepada mana-mana lembaga pegawai itu yang dilantik olehnya, dan pegawai atau lembaga itu hendaklah menjalankan fungsi itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

Berdasarkan peruntukan ini, SPA mempunyai kuasa untuk mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1) Perkara 144 PP kepada:

(a) Mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya; atau
(b) Mana-mana lembaga pegawai itu yang dilantik olehnya.

Fasal (1), (1A) dan (2) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan (PP) memperuntukkan mengenai penubuhan dan bidang kuasa SPA seperti berikut:

**PERKARA 139**
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bidang kuasanya hendaklah, tertakluk kepada Perkara 144, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan-perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (c) dan (f) Fasal (1) Perkara 132, selain Ketua Audit Negara, meliputi anggota perkhidmatan-perkhidmatan awam Negeri Melaka dan Negeri Pulau Pinang, dan, setakat yang diperuntukkan oleh Fasal (2), meliputi anggota perkhidmatan awam mana-mana Negeri lain.

**(1A) BIDANG KUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM HENDAKLAH MELIPUTI :-**

(a) anggota perkhidmatan awam am Persekutuan yang diambil kerja dalam sesuatu jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak;

(b) anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan kepada perkhidmatan awam am Persekutuan; dan

(c) anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.



(2) Badan Perundangan mana-mana Negeri, selain Melaka dan Pulau Pinang, boleh melalui undang-undang memperluas bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya meliputi semua atau mana-mana orang dalam perkhidmatan awam Negeri itu, tetapi tiada undang-undang yang sedemikian boleh berkuat kuasa lebih awal daripada dua belas bulan dari tarikh undang-undang itu diluluskan; dan jika suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri tidak ada ditubuhkan dan menjalankan fungsinya pada bila-bila masa di mana-mana Negeri yang di dalamnya tiada undang-undang sedemikian berkuat kuasa, maka bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu hendaklah, jika undang-undang persekutuan memperuntukkan sedemikian, meliputi semua anggota perkhidmatan awam Negeri itu.

## FASAL (1), (1A) DAN (2) PERKARA 139 PP MENJELASKAN PERUNTUKAN MENGENAI BIDANG KUASA SPA YANG MELIPUTI SEMUA ORANG YANG MENJADI ANGGOTA :-

(a) perkhidmatan awam am Persekutuan (selain Ketua Audit Negara);

(b) perkhidmatan awam bersama yang disebut dalam Perkara 133 PP iaitu perkhidmatan bersama untuk kegunaan bersama Persekutuan dan satu Negeri atau lebih atau atas permintaan Negeri-Negeri yang berkenaan, untuk dua Negeri atau lebih;

(c) perkhidmatan awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang;

(d) perkhidmatan awam mana-mana Negeri lain (sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (2) Perkara 139 PP);

(e) anggota perkhidmatan awam am Persekutuan yang diambil kerja dalam sesuatu jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak;

(f) anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan Persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

## BIDANG KUASA SPA DI BAWAH FASAL (1A) PERKARA 139 PP

Berdasarkan Fasal (1A) Perkara 139 PP, SPA mempunyai bidang kuasa ke atas anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak hanya dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

(a) yang diambil kerja dalam sesuatu jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak;

(b) yang dipinjamkam ke perkhidmatan am Persekutuan; dan

(c) yang berkhidmat dalam jawatan persekutuan di Negeri Sarawak dan telah membuat pilihan untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

Fasal (1A) Perkara 139 PP dimasukkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981 [Akta A514] dan memansuhkan Perkara 146B PP. Huraian Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1981 menyatakan seperti berikut:

> *"13. Clause 13 of the Bill seeks to repeal Articles 146B and 146C of the Constitution and thereby abolish the brances of the Public Services Commission in Sabah and Sarawak in consequence of the amendment sought to be made to Article 139"*

Semasa membentangkan Akta A514 di Dewan Rakyat pada 9 April 1981, Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, menyatakan seperti berikut:

"Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Fasal baru (1A) pula adalah bagi memperluaskan bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meliputi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bekerja di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dan Sarawak; ahli-ahli Perkhidmatan Awam bagi Negeri Sabah dan Sarawak yang dipinjamkan kepada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan ahli-ahli Perkhidmatan awam Sabah dan Sarawak yang bekerja di jawatan-jawatan Persekutuan di dalam Negeri tersebut dan telah membuat pilihan untuk menjadi ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

Cadangan pindaan ini adalah berikutan dengan dasar Kerajaan untuk menyatukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Cawangan Sabah dan Sarawak dan meletakkan semua Pegawai-pegawai Persekutuan di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia. Ini adalah berikutan dari pelaksanaan Lapuran Gaji Kabinet mulai 1hb Julai, 1978 di negeri-negeri tersebut. Oleh itu, dengan adanya penyatuan ini akan menyelaraskan segala dasar mengenai pengambilan dan kenaikan pangkat bagi seluruh Perkhidmatan Awam Persekutuan dan ini adalah satu langkah yang baik bagi memperkemaskan Perkhidmatan Awam.

Bagi melaksanakan dasar penyatuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini, adalah perlu dimansuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak yang ada sekarang dengan memansuhkan Perkara 146B, 146C Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, pegawai-pegawai yang sebelumnya terletak di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak akan diletak di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia."

Berdasarkan laporan pembentangan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1981, didapati:

(a) Perkara 146B PP dimansuhkan selaras dengan dasar Kerajaan ketika itu untuk menyatukan SPA Cawangan Sabah dan Sarawak dan meletakkan semua pegawai-pegawai Persekutuan di bawah bidang kuasa SPA; dan

(b) Pindaan tersebut dibuat lanjutan daripada pelaksanaan "Lapuran Gaji Kabinet" mulai 1 Julai 1978 di Negeri Sabah dan Sarawak. Penyatuan tersebut akan menyelaraskan semua dasar mengenai pengambilan dan kenaikan pangkat bagi seluruh perkhidmatan awam Persekutuan dan merupakan satu langkah memperkemaskan perkhidmatan awam.

Perkara 146B PP yang dimansuhkan melalui Akta A514 merupakan suatu peruntukan yang dimasukkan susulan cadangan yang dinyatakan dalam Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak 1962 ("Laporan Suruhanjaya Cobbold") dan Report of the Inter-Government Committee 1962 ("Laporan IGC") yang ditubuhkan untuk mengkaji "the constitutional arrangement, including safeguards for the special interests of North Borneo and Sarawak" semasa pembentukan Persekutuan Malaysia.

Perenggan 27, Laporan IGC menyatakan berikut:

*"27. Public Service*

*(1) The Federal Constitution should be modified as necessary in its application to each of the Borneo States to secure that the qualification (including language) normally required in Malaya for candidates for appointment in each Division of the Federal Public Services may be adjusted in relation to the Borneo States so as to permit the acceptance of the qualification in force in those States on Malaysia Day. An assurance would be given that they would be so adjusted until such time as, after consultation with the State Government the Federal Government was satisfied that a sufficient number of candidates from that State was available with the standard qualification under the Federal schemes of service.*

*(2) The Federal Constitution should provide for the establishment for a minimum period of five years of two separate brances of the Federal Public Service Commission, one in North Borneo and one in Sarawak. Each branch should have jurisdiction over members of the Federal public services in the State concerned who would otherwise be under the jurisdiction of the Federal Public Service Commission, and the provisions of Article 144 should be applied to these brances so as to give them full powers of appointment, promotion and disciplinary control over persons to whom their jurisdiction extends within the Borneo States. The Federal Government should undertake that the brances of the Federal Public Service Commision would consist of the members of the respective State Public Service Commision with the addition of not more than two members of the Federal Public Service Commission designated by the Federal Government. The Chairman of a branch would be such member of the branch as may be designated by Chairman of the Federal Public Service Commission. The Government of the Borneo States would undertake that, so long as the arrangement lasted whereby members of the State Public Services Commission were members of the brances of the Federal Public Service Commission new appointments to the State Public Service Commission would only be made after consultation with the Federal Government"*

Sungguhpun kuasa untuk melantik pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di Sabah dan Sarawak pernah dijalankan oleh SPA Cawangan Sabah dan Sarawak (yang turut dianggotai oleh pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan Sarawak), namun perjalanan fungsi SPA oleh SPA Cawangan Sabah dan Sarawak itu hanya untuk bersifat sementara sahaja.

Semasa pembentukan Malaysia, bidang kuasa SPA tidak dihasratkan untuk diwakilkan kepada mana-mana pihak di Sabah dan Sarawak secara kekal dan Kerajaan Persekutuan masih mempunyai kawalan ke atas perjalanan bidang kuasa tersebut.

## BIDANG KUASA SPA DI BAWAH FASAL (2) PERKARA 139 PP

Selain Fasal (1A), Fasal (2) Perkara 139 PP turut memperuntukkan mengenai bidang kuasa SPA. Berdasarkan peruntukan tersebut, SPA mempunyai bidang kuasa ke atas perkhidmatan awam mana-mana Negeri sekiranya Badan Perundangan mana-mana Negeri tersebut memperluas bidang kuasa SPA melalui undag-undang supaya meliputi semua atau mana-mana orang dalam perkhidmatan awam mana-mana Negeri itu.

Dalam hal ini, hanya Badan Perundangan Negeri Perlis dan Negeri Sembilan yang telah memperluas bidang kuasa SPA supaya meliputi semua atau mana-mana orang dalam perkhidmatan awam Negeri-negeri tersebut. Peluasan bidang kuasa SPA tersebut dibuat melalui Enakmen-enakmen Negeri seperti berikut:

| Bil. | Negeri | Enakmen |
|---|---|---|
| 1 | Negeri Perlis | Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 [No.7 of 1958] Tarikh permulaan kuat kuasa :1 Januari 1961 |
| 2 | Negeri Sembilan | Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 [No.5 of 1959] Tarikh permulaan kuat kuasa : 1 Oktober 1961 |

Manakala Badan Perundangan Negeri-Negeri selain daripada Negeri Perlis dan Negeri Sembilan telah menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri sendiri melalui Enakmen Negeri masing-masing seperti berikut:

| Bil. | Negeri | Enakmen |
|---|---|---|
| 1 | Negeri Kedah | State Public Service Commission Enactment 1959 [No.5 of 1959] Tarikh permulaan kuat kuasa : 1 Jun 1960 |
| 2 | Negeri Kelantan | State Public Service Commission Enactment 1959 [No.4 of 1959] Tarikh permulaan kuat kuasa : 25 Jun 1959 |
| 3 | Negeri Johor | State Public Service Commission Enactment 1959 [No.4 of 1959] Tarikh permulaan kuat kuasa : 16 Julai 1959 |
| 4 | Negeri Terengganu | State Public Service Commission Enactment 1959 [No.7 of 1959] |
| 5 | Negeri Perak | State Public Service Commission Enactment 1959 [No.10 of 1959] Tarikh permulaan kuat kuasa : 5 November 1959 |
| 6 | Negeri Pahang | State Public Service Commission Enactment 1960 [No.22 of 1960] Tarikh permulaan kuat kuasa : 1 Januari 1960 |

Bagi Negeri Sabah dan Sarawak pula, Badan Perundangan Negeri-Negeri tersebut telah menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri sendiri melalui Perlembagaaan Negeri masing-masing iaitu di bawah Perkara 36 Perlembagaan Negeri Sabah dan Perkara 35 Perlembagaan Negeri Sarawak. Oleh itu, SPA tidak mempunyai bidang kuasa ke atas anggota perkhidmatan awam negeri Sarawak yang diliputi di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan hanya mempunyai bidang kuasa ke atas anggota perkhidmatan awam Negeri Sarawak dalam keadaan-keadaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Fasal (1A) Perkara 139 PP.

Bagi negeri Pahang pula, Badan Perundangan Negeri Pahang pada mulanya telah memperluaskan bidang kuasa SPA supaya meliputi semua atau mana-mana orang dalam Perkhidmatan Awam Negeri itu melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 [No.9 of 1958].* Walau bagaimanapun, Enakmen No.9/1958 tersebut telah dimansuhkan melalui Enakmen No.22/1960.

## FUNGSI DAN KUASA SPA

Fungsi dan kuasa SPA telah dibincangkan dan dinyatakan dalam perenggan155 Laporan Suruhanjaya Reid seperti berikut:

### *CHAPTER VIII - THE PUBLIC SERVICES*

*155. In determining the functions of the Public Services Commission, we feel, as was stated in the London Report, that the broad principle should be that the Legislature and Government are necessarily responsible for fixing establishments and terms of employment, while the Public Services Commission is charged with the internal administration of the service as a professional body and with the responsibility for public service matters including appointments, promotions, and the application, when necessary, of disciplinary provisions in respect of members of the public service. With regard to positions within the public service, we think that they should be considered in three different categories: (1) the higher posts, being those of heads of departments and those of officers of similar status; (2) other posts in the permanent public service; and (3) temporary and casual employees. We consider that appointments to the first group should be made by the Government on the recommendation of the Public Services Commission. They should normally only be open to members of the service who have graduated through its ranks and have the training and experience necessary to fill the higher administrative posts. We consider however that it would be advisable for the Government to have the right to ask for the reconsideration of the appointment to any of these higher positions of a person who in its opinion is not suitable for appointment to the office. Moreover, we desire to make it clear that our recommendations are not intended to interfere in any way with the right of the Government to make appointments to any positions which are outside the public service proper. Appointments to the second group should be the sole responsibility of the Public Services Commission, but for practical reasons the Commission should have power subject to such conditions as it may determine to delegate its authority to make appointments to the lower grades in the permanent public service. The employment of temporary and casual employees should be the responsibility of the department concerned. Transfers within the service from one department to another should be dealt with by the Commission, but transfers and postings inside a department not involving any alteration in grade might be left to the permanent heads of the respective departments.*

Berdasarkan laporan Suruhanjaya Reid, fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan yang ditubuhkan di bawah Bahagian X Perlembagaan Persekutuan selanjutnya dimasukkan di bawah Fasal (1) Perkara 144 PP seperti berikut:

144. (1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, menjadi tugas sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

Peruntukan ini menjelaskan bahawa SPA mempunyai fungsi untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi di bawah bidang kuasanya sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal (1), (1A) dan (2) Perkara 139 PP.

Selanjutnya, Fasal (6) Perkara 144 PP memberi kuasa kepada SPA untuk mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1) Perkara 144 PP. Fasal (6) Perkara 144 PP memperuntukkan seperti berikut:

144. (6) Sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai boleh mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1) berkenaan dengan apa-apa gred perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya, atau kepada mana-mana lembaga pegawai itu yang dilantik olehnya, dan pegawai atau lembaga itu hendaklah menjalankan fungsi itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

Berdasarkan peruntukan ini, SPA mempunyai kuasa untuk mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1) Perkara 144 PP kepada:

(a) Mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya; atau
(b) Mana-mana lembaga pegawai itu yang dilantik olehnya.




KELUAR
PERUTUSAN PENGERUSI

# RINGKASAN PERKEMBANGAN SPA



Tugas dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam masih kekal seperti tercatat dalam Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu bertanggungjawab bagi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

Urusan pengambilan dan pelantikan pegawai ke dalam Perkhidmatan Awam sentiasa menjadi perhatian masyarakat dan minat menyertai Perkhidmatan Awam semakin meningkat dari setahun ke setahun. Sebagai contoh, pada dekad 60an, bilangan permohonan calon untuk memasuki perkhidmatan awam adalah hanya sekitar 64,000 setahun. Bilangan permohonan telah meningkat kepada sekitar 178,000 setahun pada dekad 70an, bertambah kepada sekitar 239,000 setahun pada dekad 80an dan sekitar 268,000 setahun pada dekad 90an. Bilangan permohonan seterusnya meningkat kepada sekitar 900,000 pada dekad 2000 dan meningkat kepada sekitar 1.5 juta pada dekad 2010 sehingga kini.

Urusan perkhidmatan dan kawalan tatatertib anggota perkhidmatan awam yang dilaksanakan oleh SPA tidak kurang pentingnya. Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- Pengesahan pelantikan.
- Pengesahan dalam perkhidmatan.
- Pelanjutan tempoh percubaan.
- Pemberian taraf berpencen.
- Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.
- Pembatalan tawaran pelantikan.
- Penamatan perkhidmatan.
- Pertukaran perkhidmatan.
- Pertukaran pelantikan.
- Pertukaran sementara.
- Peminjaman.
- Pertukaran tetap.
- Penentuan gaji permulaan.

Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan, antara lain, fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia adalah untuk menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan. Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib meliputi urusan-urusan berikut:

- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.
- Menguruskan rayuan tatatertib.
- Menguruskan kenaikan pangkat bagi Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.
- Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah merupakan Pihak Berkuasa Tatatertib bagi tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat ke atas pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam yang berkenaan.

Selain itu Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Kenaikan Pangkat bagi kenaikan pangkat ke jawatan (promotion to post) pegawai-pegawai yang menjadi Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam serta kenaikan pangkat dari suatu gred ke suatu gred yang lebih tinggi (promotion to grade) bagi pegawai-pegawai di dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu. Suruhanjaya juga turut berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan.

**Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam** berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib meliputi urusan-urusan berikut:

01 Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.

02 Menguruskan rayuan tatatertib.

03 Menguruskan kenaikan pangkat bagi Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.

04 Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

## PERKEMBANGAN DAN PRESTASI DEKAD 60AN

Dekad 60an merupakan dekad yang penuh cabaran kepada Suruhanjaya kerana Suruhanjaya baru ditubuhkan dan perlu memastikan semua urusan dilaksanakan dengan cekap, adil dan berkesan. Pada ketika itu, jumlah calon yang ditemu duga adalah hanya sekitar 10,500 orang sahaja setahun.

Dalam dekad ini telah berlaku penubuhan cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan (F.P.S Commission) di Singapura dan Borneo yang berkuatkuasa pada Hari Malaysia (Malaysia day). Dua orang Ahli yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan menjadi Ahli bagi setiap satu cawangan dan mereka juga merupakan Ahli Suruhanjaya di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Singapura telah dimansuhkan pada tahun 1965.

Pada 30 Mac 1967, Borang Permohonan SPA 1 Pindaan 11/66 yang telah diterjemahkan dalam Bahasa Kebangsaan diperkenalkan bagi menggantikan Borang Permohonan dalam Bahasa Inggeris yang digunakan sebelum ini. Borang ini terpakai bagi permohonan semua jawatan yang sebelum ini menggunakan Form PSC.I bagi jawatan dalam Bahagian I dan II dan Form Gen. 147 bagi jawatan Bahagian III dan IV.



## PERKEMBANGAN DAN PRESTASI DALAM DEKAD 70AN

Selepas Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dibubarkan pada tahun 1971, satu Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berkenaan Laporan Kajian bagi Memperbaiki Susunan dan Perjalanan Kerja Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah disediakan. Antara perakuan yang dikemukakan ialah:

- Penubuhan unik khas bagi menjalankan urusan penyerapan pegawai-pegawai sementara dan membantu urusan pengambilan di SPA.
- Mempermudahkan urusan pengiklanan kekosongan jawatan dengan hanya mengiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan tanpa disiarkan dalam warta Kerajaan.
- Memberi keutamaan kepada urusan pengambilan yang mustahak dengan mengeluarkan Sijil Keutamaan bagi pengambilan serta merta.

Bagi memastikan wujudnya keadilan dan kesaksamaan dalam urusan pengambilan Perkhidmatan Awam, perkara-perkara berikut diberi perhatian:

- Suruhanjaya mempunyai kuasa mutlak dalam urusan melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam jawatan berpencen dan lain-lain mengikut Perkara 144(1) dan 144(5B)(i) Perlembagaan Persekutuan.
- Setiap kekosongan jawatan dalam Perkhidmatan Awam dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang layak.
- Perwakilan kuasa bagi menjalankan urusan pengambilan tidak boleh menyebabkan terabainya keadilan dan kesaksamaan atau mendatangkan curiga kepada orang ramai.

Pada 1 Januari1974, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) ditubuhkan melalui Akta A193 dan P.U.(B) 556/1973 hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Diraja Aziz untuk bertindak sebagai Pihak Berkuasa dalam perkhidmatan pelajaran. Susulan dari itu, urusan perkhidmatan pelajaran tidak lagi dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.



## PERKEMBANGAN DAN PRESTASI DALAM DEKAD 80AN

Dekad 80an telah menunjukkan banyak peningkatan dalam pelaksanaan tugas-tugas Suruhanjaya. Peningkatan adalah berpunca daripada pengemaskinian prosedur kerja dan peningkatan bilangan mesyuarat Suruhanjaya yang bertambah daripada 89 pada tahun1980 kepada kepada 120 pada tahun1989. Kecekapan Suruhanjaya menjalankan tugas juga meningkat apabila bilangan ahli Suruhanjaya telah ditambah daripada 16 pada tahun 1980 kepada 20 pada tahun1989 dan pegawai kanan keurusetiaan juga telah bertambah daripada 39 pada tahun 1980 kepada 57 pada tahun 1983.

Sungguhpun demikian, pemansuhan Suruhanjaya Cawangan Sabah dan Sarawak serta Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi telah menambahkan beban tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya. Bermula dari tahun 1981 semua tugas yang melibatkan Suruhanjaya Cawangan Sabah dan Sarawak serta Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya secara langsung.

Pada 9 April 1981, Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed telah membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1981 [Akta A514] di Dewan Rakyat mengenai cadangan pindaan Fasal baru (1A) bagi memperluaskan bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meliputi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bekerja di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dan Sarawak; ahli-ahli Perkhidmatan Awam bagi Negeri Sabah dan Sarawak yang dipinjamkan kepada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan ahli-ahli Perkhidmatan awam Sabah dan Sarawak yang bekerja di jawatan-jawatan Persekutuan di dalam Negeri tersebut dan telah membuat pilihan untuk menjadi ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan. Susulan daripada itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak dimansuhkan dengan pemansuhan Perkara 146B, 146C Perlembagaan Persekutuan.

Berkuat kuasa pada 15 Mei 1981, Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api juga telah dimansuhkan. Apa-apa perkara atau prosiding berkenaan dengan seseorang anggota perkhidmatan kereta api yang menanti keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api diteruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Semenjak tarikh itu, apa-apa sebutan mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api dalam mana-mana undang-undang bertulis ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.





## PERKEMBANGAN DAN PRESTASI DALAM DEKAD 90AN

Dalam tempoh dekad 90an, bilangan permohonan calon didapati telah meningkat dengan ketara daripada hanya sekitar 200,000 pada awal tahun 1990 kepada sekitar 900,000 pada penghujung tahun 1994. Dalam menangani situasi ini, Suruhanjaya telah menurunkan nisbah kekosongan jawatan berbanding bilangan calon dipanggil temu duga daripada 1:12 pada tahun 1990 kepada 1:6 pada tahun1994.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak lagi melaksanakan urusan berkaitan perkhidmatan keretapi apabila ia diperbadankan menjadi Perbadanan Aset Keretapi (PAK) yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang diwujudkan di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463), berkuatkuasa pada 1hb. Ogos 1992, melalui Jilid 36 No.16 yang diwartakan pada 30hb Julai 1992. PAK mula beroperasi secara rasmi sebagai sebuah organisasi pada 1hb. Oktober 1992. Serentak dengan penubuhan PAK, Keretapi Tanah Melayu, sebuah entiti awam yang telah wujud semenjak tahun 1894 telah dibubarkan serta dijadikan syarikat korporat yang dinamakan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).



## PERKEMBANGAN DAN PRESTASI DALAM DEKAD 2000

Selaras dengan perkembangan pesat informasi dan teknologi maklumat (ICT), pada tahun 2009, SPA telah menggantikan borang manual SPA8 yang sebelum ini digunakan untuk pendaftaran pekerjaan dengan Borang SPA8i yang berfungsi secara dalam talian sepenuhnya.

SPA turut menambahbaik dan memperluaskan penggunaan aplikasi-aplikasi online terhadap urusan-urusan di SPA. Sistem-sistem yang dibangunkan merangkumi urusan-urusan dalaman SPA dan juga melibatkan kerjasama dengan kementerian/jabatan/agensi luar. Antara sistem lain yang dibangunkan ialah :

- Sistem Pengesanan Surat (SPS)
- Sistem Pengurusan dan Penjadualan Temu Duga (MANISS)
- Sistem Maklumat Pandangan Perundangan (SMPP)
- Sistem Mesyuarat Suruhanjaya Berkomputer (e-KS)
- Sistem e-Aduan
- Sistem e-SMSM
- Sistem e-Circulation
- Sistem Peperiksaan Berkomputer (SISPEK)

Lebih membanggakan apabila SPA turut berjaya merangkul Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam pada tahun 2004 dan Anugerah Laman Web Terbaik JPA pada tahun 2006.





## PERKEMBANGAN DAN PRESTASI DALAM DEKAD 2010

Era ini menyaksikan pelbagai transformasi dilaksanakan dalam semua urusan pengambilan dan pelantikan oleh SPA.

Dalam memastikan urusan temu duga dikendalikan dengan lebih cekap dan berkesan, SPA telah mewujudkan Akademi SPA (ASPA) yang berperanan mengendalikan ujian, peperiksaan, penilaian kompetensi dan urusan temu duga. Selain itu, SPA turut melancarkan Buku Kod Etika Temu Duga.

Pada masa ini juga telah menyaksikan pembukaan beberapa pusat temu duga di seluruh bandar di Malaysia seperti Kota Bharu , Kuantan, Ipoh, Johor Bahru, Alor Setar, Kuala Terengganu dan Melaka. SPA juga telah menubuhkan pusat temu duga di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Manakala, pusat temu duga di Sarawak pula telah dibuka di Sibu, Miri dan Kuching.



# KAEDAH PENGAMBILAN




# PENGAMBILAN

## KAEDAH PENGAMBILAN SECARA *MyRECRUITMENT*

Pengambilan secara *MyRecruitment* merupakan transformasi kaedah pengambilan yang dilaksanakan oleh SPA untuk menambahbaik sistem penilaian bagi memilih calon terbaik memasuki perkhidmatan awam. Melalui pelaksanaan *MyRecruitment* ini, calon yang memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam akan melalui proses penilaian yang holistik dan komprehensif yang merangkumi tapisan awal, ujian aptitud, penilaian kompetensi dan temu duga sebelum dilantik.

Melalui penilaian yang dijalankan, maklumat calon akan diprofilkan berasaskan latar belakang, pencapaian akademik, ciri personaliti, minat kerjaya, sikap, kecerdasan (IQ) dan kompetensi untuk dijadikan asas penilaian bagi menentukan calon-calon yang sesuai berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Selaras dengan hasrat untuk melaksanakan kaedah pengambilan ini secara menyeluruh di kementerian/jabatan/agensi, satu Memorandum Jemaah Menteri telah dibentangkan pada 23 Disember 2009. Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan kaedah pengambilan yang dikenali sebagai *MyRecruitment.* Pelancaran *MyRecruitment* telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2010. Kaedah Pengambilan secara *MyRecruitment* adalah seperti di Rajah bawah.




**Kaedah Pengambilan Secara *MyRecruitment***

## Proses Pelaksanaan *MyRecruitment*

Berdasarkan kepada kaedah pengambilan secara *MyRecruitment i*ni, calon perlu melalui empat (4) proses saringan sebelum ditawar pelantikan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga. Proses saringan dalam *MyRecruitment* dibuat secara berstruktur seperti berikut:

i) Tapisan Awal

Calon yang mendaftar secara *online* dengan SPA melalui sistem Pendaftaran Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i) akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon.

ii) Peperiksaan

Calon yang telah melepasi tapisan awal dikehendaki menduduki peperiksaan bagi menilai pengetahuan am, pengetahuan bidang yang dipohon, daya menyelesaikan masalah dan kemahiran bahasa. Selain peperiksaan ini, ujian sahsiah dan minat juga diadakan. Pada masa ini, peperiksaan telah dijalankan secara dalam talian.

iii) Penilaian Kompetensi

Calon yang berjaya melepasi tapisan peperiksaan akan melalui sesi ini. Sesi ini bertujuan mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude-Skill-Knowledge (ASK)* dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, teamwork dan lain-lain. Ujian fizikal juga dilaksanakan di peringkat ini bagi skim skim perkhidmatan tertentu.

iv) Temu Duga

Sesi ini bertujuan menilai kesesuaian dan perwatakan calon dengan keperluan sesuatu jawatan di agensi tertentu. Sesi ini akan menentu dan mengesahkan penilaian yang dibuat di peringkat sesi penilaian kompetensi. SPA telah membangunkan Sistem MyGIM yang merupakan sistem pengurusan pemarkahan temu duga. Sistem ini membolehkan Pengerusi dan Ahli Lembaga Temu Duga mengisi markah secara dalam talian dan proses mengenal pasti calon untuk dilantik menjadi lebih cepat dan tepat.












## PEPERIKSAAN *ONLINE*

Pengendalian peperiksaan di SPA dilaksanakan secara manual sehingga April 2014 yang mana calon-calon perlu hadir di pusat-pusat peperiksaan yang diwujudkan di seluruh negara. Berasaskan kepada keperluan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan selaras dengan konsep 1Malaysia "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan", SPA memperkenalkan peperiksaan online.

Kaedah pelaksanaan peperiksaan secara *online* ini menggunakan platform "web based" di mana calon-calon boleh mengambil peperiksaan di seluruh dunia atau di mana sahaja mereka berada asalkan mempunyai kemudahan internet. Aplikasi sistem peperiksaan ini boleh dicapai dengan menggunakan peralatan komputer meja,*notebook,* tablet dan telefon pintar.




**Sistem Peperiksaan Secara *Online* Di SPA**

Objektif peperiksaan *online* ialah untuk memberi kemudahan yang optimum kepada calon terutamanya dari segi penjimatan kos kewangan dan masa di mana calon tidak perlu hadir ke pusat-pusat peperiksaan yang terletak jauh di bandar-bandar besar. Selain daripada itu, keputusan peperiksaan dapat diumumkan lebih cepat melalui pemprosesan secara komputer sepenuhnya. Sistem peperiksaan secara *online* juga menjimatkan kos pengendalian peperiksaan sehingga RM2 juta setahun berbanding kaedah konvensional yang dilaksanakan sebelum ini.

Komponen penilaian yang digunakan dalam sistem peperiksaan secara *online* ini meliputi ujian aptitud seperti menilai sikap terhadap kenegaraan, pengetahuan am, kesedaran organisasi, pengetahuan bidang kerja dan kebolehan berfikir. Manakala ujian psikometrik pula dapat mengukur aspek personaliti, sikap, minat kerjaya, kompetensi dan lain-lain.



Pengawas-pengawas sedang memantau perjalanan peperiksaan *online* bagi Jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

# PENGERUSI SPA

**Pengerusi Pertama**
Alamat (jika berlaku pertukaran alamat, sila beritahu dengan segera) | No. Talipon

Tarikh lahir | Tempat dilahirkan | Umur pada hari iklan ditutup

Lelaki atau perempuan | Nyatakan sama ada bujang, sudah kahwin atau janda

Nyatakan jika Warga Negara Malaysia, Rakyat Negeri atau bukan Warga Negara Malaysia | No. Sijil Kerakyatan

Butir-butir Kad Pengenalan | Nombor | Tempat dikeluarkan | Warna | Tarikh dikeluarkan

Keterangan berkenaan dengan Bapa dan Ibu

Nama

Tempat lahir

No. Sijil Kerakyatan

No. Sijil Kerakyatan Negeri

Bukan Warga Negara Malaysia

Pengetahuan Bahasa-bahasa atau Loghat-loghat | Pertuturan | Tulisan

Untuk jawatan Kerani, Jurutaip, Jurutringkas atau jawatan-jawatan yang seumpama, nyatakan | Kederasan menaip p.s.m. | Kederasan menulis trengkas p.s.m.

Saya akui bahawa keterangan-keterangan yang diberi di atas dan di sebelah adalah benar dan betul.

Tandatangan pemohon



2

**PENGAJIAN**

KETERANGAN-KETERANGAN BERKENAAN PELAJARAN DI SEKOLAH, DI MAKTAB DAN/ATAU DI UNIVERSITI HENDAKLAH DIBERI DI DALAM RUANG-RUANG DI BAWAH

*(Jika ruang tidak mencukupi gunakan kertas-kertas tambahan)*

PERINGATAN—Keterangan-keterangan penuh hendaklah diberi untuk membuktikan semua kenyataan di bawah ini. Hanya salinan sijil-sijil sahaja yang patut dilampirkan untuk mengesahkan kenyataan-kenyataan itu.

| Nama Sekolah/Sekolah-sekolah dan tempatnya (beri tarikh-tarikh masuk dan berhenti) | Peperiksaan yang telah lulus (dengan keputusan-keputusan penuh yang diperolehi bagi tiap-tiap matapelajaran dan gred bagi peperiksaan keseluruhannya dan tahun lulus) |
|---|---|
| | |
| **Nama Universiti atau Maktab-maktab Pengajian tinggi serta dengan mata-mata pelajaran dipelajari (beri tarikh masuk dan berhenti)** | **Ijazah, Diploma atau Kelayakan Profesyenal dengan Kelas dan tarikh diperolehi** |
| | |

Nyatakan jika mendapat Biasiswa Persekutuan atau Negeri atau sebarang Biasiswa

Beri keterangan-keterangan kegiatan-kegiatan luar sekolah di Sekolah dan di Universiti



3

**PENGALAMAN**

| | Jawatan | Majikan dan tempat pekerjaan | Gaji pokok sebulan | Tarikh | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Dari | Hingga |
| Butir-butir jawatan atau pekerjaan dahulu dan sekarang (termasuklah pengalaman Siswazah Lanjutan/latihan dan pekerjaan semenjak memperolehi Ijazah/Diploma) | | | | | |

Keterangan-keterangan lain yang ada hubungan dengan kelayakan masuk jawatan ini.

| | |
|---|---|
| *Perakuan diri*<br><br>Masukan nama dan lain-lain keterangan mengenai dua orang, selain dari saudara-mara atau majikan-majikan yang dahulu, yang benar-benar mengenali tuan/puan dan yang akan memberi perakuan mengenai diri tuan/puan | 1. Nama<br>Alamat<br>Pekerjaan<br><br>2. Nama<br>Alamat<br>Pekerjaan |
| Butir-butir jika menjadi Ahli sebarang Kelab, Pertubuhan atau Persatuan | |

# 1980 *an*

# 9 APRIL 1981

## PERLUASAN BIDANG KUASA SPA MALAYSIA

Pindaan RUU bagi Perkara 139,Perlembagaan telah dibentangkan di Dewan Rakyat yang mencadangkan perkara berikut:

i. Fasal (1) bagi memasukkan perkhidmatan keretapi ke dalam bidang kuasa SPA dan membubarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Dengan pindaan ini maka Perkara 141 adalah dimansuhkan.

ii. Fasal baru (1A) bagi memperluaskan bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meliputi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkerja di jabatan-jabatan persekutuan di Sabah dan Sarawak; ahli-ahli Perkhidmatan Awam bagi Negeri Sabah dan Sarawak yang dipinjamkan kepada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan ahli-ahli Perkhidmatan Awam Sabah dan Sarawak yang berkerja di jawatan-jawatan Persekutuan di dalam Negeri tersebut dan telah membuat pilihan untuk menjadi ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

iii. Pindaan adalah berikutan dasar Kerajaan untuk menyatukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Cawangan Sabah dan Sarawak serta meletakkan semua pegawai-pegawai Persekutuan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Ini berikutan pelaksanaan Laporan Gaji Kabinet mulai 1 Julai 1978 di negeri-negeri tersebut.

iv. Dalam melaksanakan dasar penyatuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam maka dimansuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak dengan memansuhkan Perkara 146B dan 146C Perlembagaan Persekutuan.

v. Fasal (4) adalah bagi menambah bilangan ahli Suruhanjaya daripada tidak lebih daripada dua belas kepada tidak lebih dari tiga puluh.

Pindaan Perkara 142 Perlembagaan pula adalah seperti berikut:

i. Fasal 2(b) adalah tegahan kepada Ahli-Ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dari melibatkan diri di dalam perniagaan atau organisasi sama ada mendapat saraan atau tidak kecuali organisasi kebajikan atau sukarela sahaja. Yang di-Pertuan Agong boleh dengan Perintah memberhentikan mereka yang tidak lagi layak menjadi Ahli-Ahli Suruhanjaya termasuk hilang kelayakan disebabkan oleh penglibatan di dalam perniagaan atau organisasi yang mendapat upah.

ii. Fasal (3A) pula memperuntukkan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya-suruhanjaya boleh menjalankan kerja-kerja Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi kerana bercuti atau sakit dan jika Timbalan Pengerusi juga tiada maka seseorang Ahli yang lain bolehlah dilantik oleh yang di-Pertuan Agong bagi menjalankan tugas-tugas Pengerusi semasa jangka masa tersebut.


(7)

SPA.U/1935/(7).

CABUTAN DARIPADA UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD SEMASA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1981 DI DEWAN RAKYAT PADA 9 APRIL, 1981.

x x x x x

Tuan Yang Di Pertua,

26. Cadangan pindaan Perkara 139 melibatkan 3 fasal. Cadangan di fasal (1) adalah bagi memasukkan perkhidmatan keretapi ke dalam bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

27. Dengan memasukkan perkhidmatan keretapi ke dalam bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam maka bermakna Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi adalah terbubar. Keputusan ini diambil memandangkan bahawa beban kerja Suruhanjaya tersebut tidaklah seberapa besar bagi memberi justifikasi akan perlunya sebuah Suruhanjaya. Ini adalah disebabkan kakitangan perkhidmatan keretapi adalah tidak begitu besar berbanding dengan Suruhanjaya-suruhanjaya yang lain. Dengan pindaan ini maka Perkara 141 adalah dimansuhkan.

Tuan Yang Di Pertua,

28. Cadangan pindaan Fasal baru (1A) pula adalah bagi memperluaskan bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meliputi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bekerja di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dan Sarawak; ahli-ahli Perkhidmatan Awam bagi Negeri Sabah dan Sarawak yang dipinjamkan kepada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan ahli-ahli Perkhidmatan Awam Sabah dan Sarawak yang bekerja di jawatan-jawatan Persekutuan di dalam Negeri tersebut dan telah membuat pilihan untuk menjadi ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

29. Cadangan pindaan ini adalah berikutan dengan dasar Kerajaan untuk menyatukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Cawangan Sabah dan Sarawak dan meletakkan semua Pegawai-pegawai Persekutuan di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia. Ini adalah berikutan dari pelaksanaan Lapuran Gaji Kabinet mulai 1hb. Julai 1978 di negeri-negeri tersebut. Oleh itu


U/1935 (20).

203722
PERDANA
PM.(R).10428/2 Jld.XIV
Bilangan Surat Kita:
Bilangan Surat Tuan:

JABATAN PERDANA MENTERI,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

22 Mei 1981.

RAHSIA

RECEIVED 25 MAY 1981

Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Pengurus Besar Keretapi
Tanah Melayu.

Tuan,

Pembubaran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Sarawak

Pembubaran Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi

Sebagaimana yang dimaklumi Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (1981). Pindaan ini mula berkuatkuasa pada 15 Mei 1981 seperti dalam Tambahan Akta No. 8 dicetak dalam Warta Kerajaan Jil. 25 No. 10 bertarikh 14 Mei 1981. Akibat dari pindaan tersebut maka Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak adalah dibubarkan dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi kerana Perkara 146B dan Perkara 146C dan Perkara 141 Perlembagaan telah dimansuhkan.

2. Dengan demikian semua urusan yang diletakkan dalam bidang-kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak dan Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi akan terhenti dan dikendali oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Kuala Lumpur.

3. Di harap perkara ini berada dalam makluman tuan supaya urusan biasa dimana berkenaan dapat diteruskan dengan sempurna.

Sekian dimaklumkan.

'Berkhidmat Untuk Negara'

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara.

s.k.

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

27-5-81

RAHSIA



Tuan Hj. Hashim bin Salleh, Setiausaha SPA Kelima sedang menyampaikan taklimat kepada pelawat luar ke SPA pada tahun 1982.

# 1990*an*

# 1993

## PERWAKILAN KUASA MELALUI P.U.(B) 74/1993

Selaras dengan Fasal (6) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya mewakilkan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan negeri Sembilan untuk melantik, mengesah dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan dibawah bidang kuasa Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan.

# 6-9 DISEMBER 1993

## PERSIDANGAN KETIGA SPA MALAYSIA DAN SPA NEGERI

Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bergambar kenangan bersama Menteri Besar Perlis, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Setiausaha-Setiausaha SPA Negeri semepena Persidangan Ketiga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri pada 6 hingga 9 Disember 1993 di Kangar, Perlis.




Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Noor bin Mohd Hassan, Pengerusi SPA ke-7 bersama-sama Ahli-ahli Suruhanjaya.

# 21 DISEMBER 1996

## *RECRUITMENT POLICY AND PROCEDURES AND DISCIPLINARY CONTROL*

Suruhanjaya menggubal Dasar dan Prosedur Pengambilan dan Kawalan Tatatertib bagi memantapkan urusan pengambilan dan memastikan tindakan-tindakan ke atas kes-kes tatatertib dilaksanakan dengan teratur dan telus.

## TeleSPA

Suruhanjaya bekerjasama dengan Syarikat Telekom Malaysia Berhad mewujudkan TeleSPA melalui nombor 600 83 7979 yang membolehkan calon-calon menyemak status pendaftaran permohonan, tarikh dan tempat temu duga, keputusan temu duga dan maklumat am SPA.

## SISTEM PENGESANAN MAKLUMAT PERKHIDMATAN, KENAIKAN PANGKAT DAN TATATERTIB (SPDM)

Suruhanjaya membangunkan SPDM untuk memudahkan pengesanan kedudukan hal-hal perkhidmatan anggota perkhidmatan awam termasuk urusan kenaikan pangkat dan tatatertib.

# 21 DISEMBER 1996

## SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (SMSM)

Langkah positif telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya dengan membangunkan Sistem SMSM.Di bawah sistem ini calon boleh memohon sehingga 20 jawatan dalam perkhidmatan Persekutuan setaraf dengan kelayakkan dan kelulusannya, nama calon dan jawatan-jawatan yang dipohon akan didaftarkan dalam bank data berkomputer dan selagi mereka belum mendapat tawaran jawatan, data dan maklumat tersebut akan kekal dalam komputer selama setahun.

Pelaksanaan SMSM telah dapat mempercepatkan urusan pengambilan daripada 17 minggu kepada 8 minggu sahaja. Purata masa sebenar yang diambil ialah 5.5 minggu sahaj a.




Tan Sri Abtdul Halim bin Ali, Ketua Setiausaha Negara di Majlis Pelancaran SMSM .

# 1997

## ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM

SPA telah berjaya memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 1997 menerusi pencalonan SMSM.



Majlis Pelancaran SMSM.

# 30 APRIL 1997

## GARIS PANDUAN PERTUKARAN PERKHIDMATAN

Suruhanjaya telah mengeluarkan garis panduan didalam pertukaran perkhidmatan dibawah SPA bagi menjelaskan mengenai syarat-syarat, kriteria-kriteria dan tatacara didalam menguruskan permohonan pertukaran anggota-anggota dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri-negeri dibawah bidang kuasa SPA dan juga anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang berlainan ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Perkhidmatan Awam Negeri-negeri di bawah bidang kuasa SPA dan perlepasan ke perkhidmatan awam di bawah bidang kuasa PBM yang lain.


KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 1997

GARIS PANDUAN DI DALAM PERTUKARAN PERKHIDMATAN DI BAWAH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

## PERWAKILAN KUASA MELALUI P.U.(B) 496/1997

Selaras dengan Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya telah mewakilkan Kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan untuk melantik, mengesah dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan tertentu dalam kumpulan sokongan di bawah bidang kuasa Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Pentadbiran Negeri Pulau Pinang dan Melaka.

# 16 MAC 1997

## PELANCARAN LAMAN WEB SPA

SPA membangunkan laman web www.spa.gov.my bagi memudahkan orang ramai terutamanya pelajar Malaysia di luar negara bagi mendapatkan maklumat mengenai kekosongan jawatan seterusnya memohon pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

Kemudahan internet ini juga telah membolehkan permohonan sesuatu jawatan dipendekkan menjadi lapan (8) minggu berbanding 17 minggu sebelumnya.



**Permohonan kerja melalui Internet**

Oleh KAMAL AHMAD

**SERDANG**: Permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam kini boleh dibuat menerusi Internet berikutan pelancaran hompej Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), semalam.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Mazlan Ahmad, berkata hompej SPA akan memudahkan orang ramai, terutama pelajar Malaysia di luar negara atau rakyat asing, memohon pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam negara ini.

Beliau berkata, kira-kira 60,000 penuntut Malaysia di luar negara termasuk 10,000 yang ditaja kerajaan, boleh mendapatkan maklumat mengenai kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam melalui Internet.

"Saya difahamkan, SPA juga memberi kemudahan penuntut tahun akhir di universiti untuk membuat permohonan jawatan yang ditawarkan menerusi Internet," katanya ketika melancarkan Hompej SPA di Panggung Eksperimen Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di sini.

Teks ucapan Mazlan dibacakan oleh timbalannya, Datuk Mohd Zam Abdul Wahab. Turut hadir, Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmud Taib dan setiausahanya, Datuk Abdul Wahab Adam.

Beliau berkata, perkhidmatan awam memerlukan calon dari negara lain untuk mengisi jawatan, terutama dalam bidang marin seperti arkitek dan pegawai marin serta pakar perikanan.

Bagi penuntut tempatan, banyak jawatan dalam bidang seperti teknologi maklumat dan kejuruteraan, boleh diisi dalam perkhidmatan awam.

Ada 157 jawatan dalam perkhidmatan awam yang ditawarkan kepada rakyat tempatan manakala tiga kepada warga asing. Hompej SPA melalui http:www//spa.gov.my boleh dihubungi untuk mendapatkan keterangan lanjut.

Melalui Internet, proses permohonan sesuatu jawatan juga boleh dipendekkan menjadi lapan minggu berbanding 17 minggu sebelum ini.

Malah, katanya, permohonan bagi sesetengah jawatan boleh dipercepatkan antara enam dan tujuh minggu.

Mazlan berkata, satu bentuk kerjasama perlu wujud di antara agensi kerajaan, misalnya, JPA boleh membekalkan senarai jawatan kosong berdasarkan pegawai yang akan bersara dan senarai pemegang biasiswa.

Arkib Negara Malaysia
2010/0015521

# 1998

## PERWAKILAN KUASA MELALUI P.U.(B) 16/1998

Selaras dengan Fasal (6) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya mewakilkan kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara untuk melantik secara kontrak Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri dan Timbalan Menteri serta Setiausaha Sulit kepada Setiausaha Parlimen

## SISTEM MURAQABAH

SPA memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam melalui Sistem Muraqabah iaitu pengesanan surat/fail dan tindakan secara berkomputer yang dibangunkan oleh Urus Setia Cawangan Sabah. Sistem ini membantu memperkemaskan lagi mutu kecekapan kerja di cawangan tersebut dan seterusnya diperkembangkan di Ibu Pejabat.

# 1999

## RULING SPA BERKOMPUTER

Suruhanjaya telah mewujudkan sistem Ruling SPA untuk mendokumentasikan keputusan-keputusan Suruhanjaya bagi memudahkan penyemakkan keputusan terdahulu.

## BORANG PERMOHONAN UNTUK JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

(BORANG SPA 8 PINDAAN 1/99)


KERAJAAN MALAYSIA
PERMOHONAN UNTUK JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BORANG SPA 8 Pin. 1/99
01-00417882




## 12 JULAI 1999

Tan Sri Dato' Mahmud bin Taib, Pengerusi SPA ke-8 bersama dengan Y. A. B Menteri Besar Johor semasa Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pelajaran dan Negeri di Johor Bahru.

# 2000 *an*

# 2000

## SISTEM PENGESANAN SURAT (SPS)

Sistem Pengesanan Surat (SPS) dibangunkan bagi melancarkan urusan surat-menyurat Suruhanjaya. Sistem ini membantu merekod surat keluar masuk dan memantau surat-surat berkaitan.

## SISTEM PENGURUSAN DAN PENJADUALAN TEMU DUGA (MANISS)

SPA telah membangunkan Sistem Pengurusan dan Penjadualan Temu Duga yang dikenali sebagai MANISS.

## SISTEM MAKLUMAT PANDANGAN PERUNDANGAN (SMPP)

Aplikasi bertujuan menyimpan semua maklumat pandangan perundangan untuk urusan tatatertib secara elektronik.

**AHLI-AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA 2000**



***Berdiri dari Kiri ke Kanan***

*Y.Bhg. Dato' Syed Sidi Idid bin Syed Abdullah Idid, Encik Jolhi bin Haji Saar, Tuan Haji Darus @ Idrus bin Omar, Tuan Haji Mohd. Iskandar bin Abdullah, Y.Bhg. Dato' Haji Sri Nusa Ahmad bin Thaharuddin, Tuan Haji Habib Mohd. Kassim bin Habib Jaafar @ Syed Mohd. Kassim, Dato' Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Shariff* ***(Setiausaha),*** *Y.Bhg. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Abdul Rahman, Y.Bhg. Dato' Haji Mohsin bin Haji Mohd. Khir, Y.Bhg. Dato' Jaafar bin Abdul Wahid.*

***Duduk Dari Kiri ke Kanan***

*Y.Bhg. Dato' Dr. Haji M.K. Hallaj Rahmatullah, Tuan Haji Wan Awang bin Wan Yaacob, Y.Bhg. Datuk Syed Alwi bin Syed Nordin* ***(Timbalan Pengerusi),*** *Y.Bhg. Tan Sri Mahmud bin Taib* ***(Pengerusi),*** *Y.Bhg. Dato' Shamsuddin bin Dahlan, Encik Khoo Soo Gim, Y.Bhg. Datin Paduka Nur Hayati binti Mohamed.*



12 OGOS 2000

Ahli-ahli Suruhanjaya di majlis jamuan makan malam.



## 21 JANUARI 2001

Datuk Hj. Abdul Wahab bin Hj. Adam, Pengerusi SPA ke -9 bersama Ahli Suruhanjaya semasa majlis jamuan makan malam.



16 JULAI 2001

DYMM Sultan Kedah bersama Peserta Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pelajaran dan Negeri di Langkawi, Kedah.




## 25 APRIL 2001

Datuk Hj. Abdul Wahab bin Hj. Adam, Pengerusi SPA ke -9 dan Dato' Hj. Ibrahim bin Hj. Mohd Shariff, Setiausaha SPA ke-12 di Majlis Pelancaran Buku Perancangan Strategik SPA.

# 2002

## CONTOH BORANG PERMOHONAN UNTUK JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (BORANG SPA 8 PINDAAN 1/2002)


KERAJAAN MALAYSIA
SPA

### SISTEM MAKLUMAT PAKEJ TEMU DUGA (SMPT) DIWUJUDKAN.

Dalam sistem ini, Pengerusi Lembaga Temu Duga (LTD) akan diberikan dengan *notebook* dan disket yang telah diprogramkan dengan maklumat-maklumat yang diperlukan seperti Penyata Lembaga Temu Duga, laporan status calon, soalan-soalan, senarai tugas jawatan dan sebagainya.

### SISTEM PENGURUSAN LANTIKAN KONTRAK BERKOMPUTER DI LUAR SMSM DIWUJUDKAN.

Dahulunya hanya sistem lantikan tetap sahaja dikendalikan secara berkomputer. Dengan sistem baru ini urusan lantikan kontrak dapar diuruskan dengan cepat.

### SISTEM PENDAFTARAN CALON DAN PENENTUAN BILIK-BILIK TEMU DUGA SECARA ELEKTRONIK DILAKSANAKAN.

Pelaksanaan sistem ini telah melicinkan lagi urusan temu duga serta memudahkan Lembaga Temu Duga menguruskan calon-calon.

### SISTEM PENDAFTARAN MELALUI INTERNET

Suruhanjaya membangunkan Sistem Pendaftaran permohonan ke jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam melalui internet. Sistem ini membolehkan maklumat calon disimpan secara automatik kedalam pangkalan data SPA. Dengan terlaksananya sistem ini calon tidak perlu lagi menghantar salinan borang SPA8 ke SPA.

# 2003

## CONTOH BORANG PERMOHONAN UNTUK JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (BORANG SPA 8 PINDAAN 1/2003)


KERAJAAN MALAYSIA

PERMOHONAN UNTUK JAWATAN / LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

SPA

BORANG SPA 8 Pin. 1/2003

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

CARA MENGISI BORANG

1. Sila baca buku panduan dengan teliti sebelum mengisi borang ini.
2. Gunakan pensel 2B sahaja.
3. Butiran 28 hendaklah ditandatangani oleh semua calon.
4. Isikan petak yang disediakan dengan huruf besar.
5. Hitamkan bulatan yang berkenaan.
6. Jika berlaku kesilapan, padamkan hingga bersih.

Contoh :

BETUL

SALAH

GUNAKAN PENSEL 2B SAHAJA

JANGAN KOYAK, LIPAT, GULUNG, KOKOT, KOTOR DAN PISAHKAN BORANG INI

1 NAMA (Nama seperti dalam Kad Pengenalan)

2 NOMBOR KAD PENGENALAN

(a) NO. KAD PENGENALAN BARU

3 NOMBOR TELEFON

KOD

NOMBOR

03 - 00050016

## SISTEM MESYUARAT SURUHANJAYA BERKOMPUTER (E-KS)

Sistem e-KS diperkenalkan bagi menggantikan edaran kertas-kertas mesyuarat secara *hard copy.* Melalui sistem ini semua kertas mesyuarat akan di simpan dalam bentuk cakera liut dan diedarkan kepada semua Ahli Suruhanjaya.



# 1 MAC 2006

Tan Sri Jamaluddin bin Hj. Ahmad Damanhuri, mengangkat sumpah di hadapan hakim sebagai Pengerusi SPA ke-10.




## 22 MAC 2006

Tan Sri Jamaluddin bin Hj. Ahmad Damanhuri, Pengerusi SPA sedang menyampaikan cenderamata kepada Dato' Hj. Luey bin Puteh, sempena majlis perpisahan beliau sebagai Setiausaha SPA ke-13.



10 APRIL 2006

Tan Sri Pengerusi SPA dan ahli-ahli Suruhanjaya semasa lawatan ke
Kem Program Latihan Khidmat Negara, Sepang, Selangor.



10 APRIL 2006

Sekitar lawatan Ahli-ahli Suruhanjaya ke kem Program Latihan Khidmat Negara, Sepang, Selangor.



## 24 MEI 2006

Encik Yassin bin Mohd Salleh, Setiausaha SPA ke-14 sedang menyampaikan taklimat kepada delegasi dari luar negara.



22 OGOS 2006

Ahli-ahli Suruhanjaya bersalam dengan SPB Yang di-Pertuan Agong semasa Majlis Menghadap di Istana Negara.



# 22 OGOS 2006

Ahli-ahli Suruhanjaya ketika Majlis Menghadap SPB Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.



## 22 OGOS 2006

Ahli-ahli Suruhanjaya ketika Majlis Menghadap SPB Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.



## 22 NOVEMBER 2006

Puan Sri Zaiton binti Mhad Ali, Setiausaha SPA menerima anugerah daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM di atas kemenangan SPA dalam Pertandingan Laman Web Peringkat JPM.



# 4 DISEMBER 2006

Tan Sri Pengerusi dan Puan Sri Setiausaha SPA mengiringi Ketua Setiausaha Negara semasa kunjungan hormat ke SPA.

2008

**Integrasi sistem eSMSM dengan JobsMalaysia dan sistem eSMSM dengan MySMS di bawah inisiatif e-KL dilaksanakan.**

**Integrasi sistem eSMSM dan eSPDM dengan *Human Resource Management Information System (HRMIS)* dilaksanakan.**

# 24 JANUARI 2008

## MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN JUBLI EMAS SPA

Sambutan dimulakan dengan Majlis Perasmian Jubli Emas SPA pada 24 Januari 2008 di Dewan Perdana, Putrajaya International Convention Centre (PICC) yang telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak. Pada masa yang sama juga diadakan Pameran Kerjaya Sempena Sambutan Jubli Emas di Concourse, PICC yang turut disertai oleh 16 agensi Perkhidmatan Awam yang lain.



# 28 APRIL 2008

## MAJLIS SANTAPAN MALAM

Majlis Santapan Malam merupakan acara kemuncak Sambutan Jubli Emas SPA yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah telah berangkat ke Majlis Santapan Malam tersebut. Majlis turut dihadiri oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan, Ketua Setiausaha Negara dan Tan Sri Ismail bin Adam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam serta dif-dif kehormat yang lain.



# 2009

## Sistem *e-Circulation*

Sistem *e-Circulation* dibangunkan dan dilaksanakan bertujuan bagi membolehkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) membuat keputusan bagi sesuatu Kertas Suruhanjaya secara dalam talian.

## Borang SPA8i

Borang SPA8i yang digunakan untuk pendaftaran pekerjaan telah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya bagi menggantikan Borang SPA8.





# 2 FEBRUARI 2009

**SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA PENGERUSI SPA**

Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri, telah mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dihadapan Y.A.A Tan Sri Dato' Seri Alauddin bin Dato' Mohd Sheriff (Presiden Mahkamah Rayuan). Upacara yang diadakan di Istana Kehakiman disaksikan Setiausaha SPA, Datuk Lamien Sawiyo. Turut mengiringi ke upacara itu ialah SUB (UM) Shafarin Nasuredin dan SUB (SPKP) Anuar Othman.

# 26 FEBRUARI 2009

## IMEJ KORPORAT SPA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah melancarkan imej korporat yang baru. Pelancaran telah dilakukan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri.



# 7 APRIL 2009

## PELANCARAN SISTEM EPGSPA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah melancarkan Sistem EPGSPA (Sistem Permohonan Pengisian Jawatan di Bawah Bidang Kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) yang menggunakan Sistem *Online*. Majlis perasmian telah dilakukan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri, sempena Mesyuarat Tahunan Perkhidmatan Awam Malaysia dengan Kementerian, Jabatan, Pentadbiran Negeri Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Dan Negeri Sembilan serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang berlangsung dari 6 hingga 9 April di Pulau Pinang.



# 16 NOVEMBER 2009

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA DI KUANTAN

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Tan Sri Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri telah merasmikan Pusat temu duga SPA, cawangan Kuantan di Mahkota Square Jalan Mahkota, Kuantan Pahang. Turut hadir Timbalan Pengerusi , Dato' Ahmad Said serta Ahli-Ahli Suruhanjaya. Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Muhammad Safian Ismail, Pengerusi SPA Negeri, Dato' Haji Alias Abdullah dan ketua-ketua Jabatan. Pusat temu duga yang mempunyai empat bilik itu juga, dilengkapi dengan komputer untuk kegunaan calon-calon yang ingin membuat permohonan jawatan secara *Online*.






# 25 NOVEMBER 2009

## PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

SPA telah menerima secara rasmi sijil MS ISO 9001:2008. Sijil telah disampaikan oleh Dato' A Aziz Mat, Ahli Lembaga Pensijilan Syarikat Moody International Certification (Malaysia) Sdn.Bhd, kepada Setiausaha SPA, Dato' Lamien Sawiyo, di satu majlis sempena perhimpunan bulanan di dewan Temu Duga SPA, di Putrajaya.

# 2010 *an*

# 11 JANUARI 2010

## PELANCARAN KAEDAH PENGAMBILAN *MYRECRUITMENT*

Perdana Menteri telah melancarkan Kaedah Pengambilan Secara Profiling *(MyRecruitment)*. Melalui kaedah ini, calon yang akan di lantik oleh SPA perlu melalui saringan seperti peperiksaan teori, ujian fizikal dan kecergasan, ujian praktikal, ujian psikologi, penilaian kompentesi dan temu duga.






# 25 FEBRUARI 2010

## PELANCARAN BENDERA SPA

Bendera rasmi SPA telah di lancarkan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri . Pemilihan dibuat berdasarkan pertandingan mencipta bendera yang disertai oleh warga SPA. Bendera ciptaan Puan Norazrina Zainal Mohyin daripada Bahagian Perkhidmatan telah dipilih bendera rasmi SPA.

# 26 APRIL 2010

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA IPOH, PERAK

Majlis perasmian pusat temu duga yang ke tiga di luar Putrajaya iaitu di Ipoh, Perak. Perasmiannya telah di sempurnakan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri. Hadir sama, Timbalan Pengerusi SPA, Dato' Ahmad Said, Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Timbalan Setiusaha SPA, Datuk Ramli Juhari. Pusat temu duga ini terletak di Aras 5 bangunan Greentown Square, Jalan Dato' Ahmad Said, Ipoh.



# 14 OKTOBER 2010

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA JOHOR BAHRU




Majlis perasmian pusat temu duga di Johor Bahru. Perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri. Turut hadir, Pengerusi SPA Negeri Johor, Dato' Haji Ahmad Rashidi Mohd. Noor, Timbalan Pengerusi SPA, Dato' Ahmad Said, Ahli-Ahli Suruhanjaya, Setiausaha SPA, Dato' Lamien Sawiyo, Setiausaha SPP, Dato' Wan Khazanah Ismail serta pegawai-pegawai agensi Kerajaan dan Negeri. Pusat temu duga yang berada di tingkat 8 Menara Ansar ini telah dilengkapi infrastruktur moden dan dapat menampung 80 hingga 160 calon bagi satu-satu masa.

# 20 DISEMBER 2010

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA ALOR SETAR, KEDAH

Majlis perasmian Pusat Temu Duga Alor Setar Kedah yang bertempat di Aras 8, Wisma Persekutuan, Jalan Kampung Baru. Perasmiannya telah di sempurnakan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri. Hadir sama, Timbalan Pengerusi Dato' Ahmad Said, Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Pengerusi SPA Negeri Kedah, Dato' Andika Raja Dato' Wira Haji Mohd Zain Osman dan ketua-ketua Jabatan Persekutuan. Pusat Temu Duga ini dilengkapi infrastruktur moden dan boleh menampung sehingga 320 calon bagi satu-satu masa.








# 20 JANUARI 2011

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA SPA TAWAU, SABAH

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri telah merasmikan Pusat temu duga di Tawau Sabah. Hadir sama ke majlis itu ialah Setiausaha Persekutuan Sabah, Dato' Muhammad Hatta Ab. Aziz, Presiden Majlis Perbandaran Tawau, Ismail Mayakob, Setiausaha SPA, Dato' Lamien Sawiyo dan wakil-wakil Jabatan Persekutuan di daerah Tawau. Pusat temu duga yang mempunyai tiga bilik untuk urusan temu duga dan juga satu bilik Ujian Fizikal juga di lengkapkan dengan komputer bagi memudahkan orang ramai untuk mengemukakan permohonan kepada SPA secara *online.*

# 1 JUN 2011

## PENUBUHAN AKADEMI SPA

Akademi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (ASPA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 2011 dan diketuai oleh Encik Zamrud Yahya selaku Pengarah ASPA. Tujuan penubuhan ASPA antaranya untuk pembangunan program dalam urusan mengendalikan ujian fizikal, peperiksaan, penilaian kompetensi dan pengendalian urusan temu duga dengan lebih berkesan.







# 4 OKTOBER 2011

## PERSIDANGAN SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA KE-14

Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-14 disempurnakan perasmiannya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada 4 Oktober 2011 bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre, Kuantan Pahang. Majlis turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob dan Setiausaha Kerajaan Pahang Datuk Seri Muhammad Safian bin Ismail.

# 1 DISEMBER 2011

## PENARAFAN 5 BINTANG PORTAL SPA

SPA berjaya mendapat penarafan Portal 5 Bintang di majlis penganugerahan yang dianjurkan oleh MAMPU di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)*. Majlis penganugerahan tersebut diadakan sempena Seminar *Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2011*. Sijil telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU, Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri kepada Setiausaha SPA, Dato' Lamien Sawiyo.









# 15 MAC 2012

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA DI SIBU, SARAWAK

Setiausaha SPA, Dato' Lamien Sawiyo telah merasmikan Pusat Temu Duga SPA di Sibu, Sarawak. Pusat temu duga tersebut mempunyai tiga (3) bilik untuk urusan temu duga dilengkapi dengan komputer bagi memudahkan orang ramai untuk mengemukakan permohonan kepada SPA secara *online*.

## 19 MAC 2012

### PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA MELAKA

Dato' Abd Rahman Husin, Ahli Suruhanjaya telah merasmikan Pusat Temu Duga Melaka. Majlis turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Kaseh. Pusat temu duga di Melaka ini mempunyai kemudahan tiga (3) bilik temu duga dan satu (1) bilik untuk ujian fizikal.








# 8 MEI 2012

## ANUGERAH PENCAPAIAN SUKAN DAN SOSIAL

SPA telah menerima Anugerah Pencapaian Sukan bagi tiga (3) kategori iaitu Anugerah Olahragawan JPM, Anugerah Khas Sukan dan Anugerah Pasukan Terbaik JPM. Anugerah telah disampaikan oleh Tan Sri Mohd Sidek Hassan dalam Majlis Kecemerlangan JPM yang dianjurkan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.





# 31 MEI 2012

**PELANTIKAN TAN SRI MAHMOOD ADAM SEBAGAI PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Tan Sri Mahmood Adam telah dilantik secara rasmi sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia yang ke-11 berkuat kuasa pada 31 Mei 2012. Majlis angkat sumpah di adakan di hadapan Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia, YA Dato' Bentara Luar Dato' Haji Hashim Bin Dato' Haji Yusof bertempat di Istana Kehakiman, Putrajaya.



# 16 JUN 2012

## HARI KHAS SPA BERSAMA PELANGGAN DI BINTULU

Majlis Perasmian Hari Khas SPA Bersama Pelanggan di Bintulu, Sarawak telah disempurnakan oleh Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo. Hadir sama, Timbalan Residen Bahagian Bintulu, Encik Sirai Anak Daha, dan Setiausaha Bahagian Urus Setia SPA Cawangan Sarawak, Encik Saiful Sungkih Bin Abdullah.






# 3 JULAI 2012

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA SPA SANDAKAN, SABAH

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam merasmikan Pusat Temu Duga SPA di Sandakan, Sabah.




## 20 JULAI 2012

**SPA FC JUARA LIGA FAM 2012**

Pasukan Bola Sepak SPA FC menjuarai Piala Liga FAM 2012. Pada tahun 2013, SPA FC secara automatik akan bertanding dalam saingan Bola Sepak Liga Perdana.




# 4 SEPTEMBER 2012

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA SPA DI MIRI, SARAWAK

Majlis perasmian Pusat Temu Duga SPA Miri telah dirasmikan pada 4 September 2012. Perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Bin Adam.

# 31 OKTOBER 2012

## PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA KUCHING, SARAWAK

Pusat Temu Duga Kuching dirasmikan pada 31 Oktober 2012 oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam.






## 25 JUN 2013

**PELANCARAN BUKU PRODUK 1 MALAYSIA TRANSFORMASI SPA**

Buku Produk 1 Malaysia Transformasi SPA telah dilancarkan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam. Buku ini memaparkan produk dan statistik pencapaian SPA hasil daripada transformasi-transformasi yang telah dilaksanakan.




# 31 JULAI 2013

## PENYERTAAN SPA DALAM KEJOHANAN BADMINTON DUNIA

SPA telah menyertai Kejohanan Badminton Dunia di Guangzhou, China pada 5 hingga 11 Ogos 2013. SPA telah diwakili oleh Encik Mohd. Zakri Latif, pemain Badminton Kebangsaan yang juga merupakan warga SPA yang turut ditemani jurulatih Razif Sidek.




# 30 APRIL 2013

## PELANCARAN BUKU KOD ETIKA TEMU DUGA SPA

SPA melancarkan buku Kod Etika Temu Duga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Buku ini memberi panduan kepada panel temu duga berkenaan persediaan sebelum, semasa dan selepas sesi temu duga dijalankan.

# 1 APRIL 2014

## SISTEM SEMAKAN MAKLUMAT INDIVIDU

Sistem Semakan Maklumat Individu dibangunkan untuk menyemak maklumat-maklumat calon yang akan dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam daripada segi stratus kebankrapan, kewarganegaraan dan rekod jenayah. Semakan maklumat ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Sistem ini kemudiannya dikenali sebagai e-Tapis.



# 30 APRIL 2014

## PEPERIKSAAN *ONLINE* PERTAMA SPA

Peperiksaan memasuki Perkhidmatan Awam yang pertama bagi skim Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41 telah diadakan secara dalam talian sepenuhnya. Peperiksaan ini melibatkan 136 calon yang telah lulus ujian fizikal, kecergasan dan pancaindera terlebih dahulu.






# 27 MEI 2014

## PELANCARAN SISTEM PEPERIKSAAN *ONLINE*

YB Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri melancarkan Sistem Peperiksaan *Online* SPA. Sistem ini mula dibangunkan pada tahun 2013 yang bertujuan bagi mengurangkan kos pengurusan peperiksaan dan memudahkan calon menduduki peperiksaan dimana sahaja yang mempunyai kemudahan internet.

# 16 JANUARI 2015

## MAJLIS PELANCARAN KAD PENJAWAT AWAM

Majlis Pelancaran Kad Penjawat Awam oleh YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun.





## 23 JULAI 2015

**PELANTIKAN PENGERUSI SPA KE-12**

Tan Sri Arpah Abdul Razak dilantik sebagai Pengerusi SPA ke-12 pada 23 Julai 2015. Beliau mengangkat sumpah jawatan dan setia di hadapan Hakim Mahkamah Persekutuan, YA Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Embong di Istana Kehakiman.




## 22 SEPTEMBER 2015

**PELANCARAN APLIKASI *MOBILE***

Tan Sri Arpah Abdul Razak merasmikan Pelancaran Aplikasi Mobile My SPA.




## 16 DISEMBER 2015

**ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM (AISA) 2015**

Inisiatif Inovasi *Exam Online* mendapat tempat kedua Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2015 yang melayakkan SPA memenangi wang tunai RM100 ribu ringgit beserta sijil penghargaan. Hadiah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara.







## 27 JANUARI 2016

### MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEPERIKSAAN *ONLINE* DENGAN NET2ONE SDN BHD

Suruhanjaya menandatangani perjanjian peperiksaan *online* dengan Syarikat NET2ONE Sdn.Bhd. yang bertangungjawab menyediakan perkhidmatan jalur lebar semasa peperiksaan *online* yang dijalankan oleh SPA.

# 10 MEI 2016

## SISTEM MYGIM

Sistem MyGIM dibangunkan untuk menambah baik pengurusan pemarkahan temu duga. Dengan pengunaan MyGIM ini juga Pengerusi Lembaga Temuduga dapat melihat semua butiran-butiran calon serta rekod pencapaian PAC dan akan memudahkan proses membuat keputusan untuk memilih calon yang layak dilantik.



# 26 MEI 2016

## PENUBUHAN PUSAT TEMU DUGA KUALA TERENGGANU

Pusat Temu Duga Kuala Terengganu ditubuhkan pada 26 Mei bertempat di Tingkat 1, Bangunan Perniagaan, Paya Keladi. Pusat temu duga ini mempunyai lima (5) bilik temu duga bagi kegunaan proses temu duga khususnya calon-calon dari Terengganu.



# 25 OGOS 2016

## KARNIVAL KERJAYA DAN *OUTREACH* SPA 2016 DI KOTA KINABALU SABAH

Majlis perasmian Karnival Kerjaya dan *Outreach* SPA 2016 telah disempurnakan oleh YB. Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Auditorium, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah. Turut hadir, Pengerusi SPA, Tan Sri Arpah Abdul Razak, Pengerusi SPA Negeri Sabah, Datuk Ismail Awang Besar, Setiausaha SPA, Dato' Zainal Abidin Ahmad dan Ahli-ahli Suruhanjaya. Antara program yang diadakan ialah Penyerahan Surat Tawaran Lantikan, Pengesahan Lantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen.



# 28 SEPTEMBER 2016

## PENUBUHAN PUSAT TEMU DUGA SPA IPOH PERAK

Pusat Temu Duga Ipoh dipindahkan daripada Bangunan Pusat Perdagangan Greentown ke Bangunan UTC Perak. Perpindahan ini merupakan langkah strategik SPA bagi menjimatkan kos sewaan dan bagi tujuan memudahkan penyediaan perkhidmatan selaras dengan dasar penjimatan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, selain memberi kemudahan dan keselesaan kepada calon-calon yang menghadiri temu duga atau berurusan dengan SPA khususnya anak-anak negeri Perak.



# 14 OKTOBER 2016

## PERKONGSIAN PINTAR *E-CIRCULATION*

SPA dan SPA Negeri Sarawak bersetuju mengadakan perkongsian pintar Sistem *e-Circulation* bagi memudahkan urusan kelulusan kertas pertimbangan Suruhanjaya di mana dengan menggunakan sistem ini kertas-kertas yang memerlukan kelulusan segera dapat dibentangkan dan diedarkan secara dalam talian tanpa perlu menunggu mesyuarat Suruhanjaya yang seterusnya.



# 29 NOVEMBER 2016

## APLIKASI mySPA8i

Sistem SPA8i ditambahbaik dalam bentuk aplikasi mudah alih iaitu mySPA8i. Aplikasi mudah alih mySPA8i ini boleh dimuat turun dan digunakan bagi peranti yang beroperasikan Android, iOS dan Windows. Aplikasi mudah alih yang telah dibangunkan dengan kerjasama MAMPU ini terdapat beberapa modul antaranya seperti Pendaftaran MyID, Lupa Kata Laluan, Maklumat Pemohon, Maklumat Akademik, Maklumat Kokurikulum, Maklumat Tambahan, Pegawai Sedang Berkhidmat, Jawatan Dimohon dan Pengakuan Pemohon.



# 15 DISEMBER 2016

## ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (AIICT) 2016

SPA mendapat tempat ke-2 bagi Kategori Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) sempena Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016 dan Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2016. SPA menerima sijil dan hadiah wang tunai berjumlah RM100 ribu yang telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara. SPA telah tersenarai dalam finalis bersama-sama Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah mendapat tempat pertama dan juga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang telah mendapat tempat ketiga.



# 16 MAC 2017

## KARNIVAL KERJAYA & OUTREACH SPA 2017

Penyampaian surat tawaran pelantikan kepada calon yang berjaya oleh YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun pada Karnival Kerjaya & *Outreach* SPA 2017 yang diadakan di *Melaka International Trade Centre* (MITC).



# 17 MEI 2017

## *SPA VOLUNTEER (SPAVOL)*

*SPA Volunteer (SPAVOL)* ditubuhkan pada 17 Mei 2017 dan dilancarkan oleh Pengerusi SPA merangkap Penaung *SPAVOL,* Tan Sri Arpah binti Abdul Razak di Balik Pulau, Pulau Pinang. *SPAVOL* merupakan gabungan di antara sukarelawan warga SPA dan orang awam serta pelajar univerisiti yang mendaftar sebagai ahli bersekutu *SPAVOL* untuk melaksanakan kerja-kerja kebajikan dan kesukarelawan bagi membantu masyarakat yang memerlukan.



# 22 MEI 2017

## BULAN ICT 2017 & PELANCARAN PELAN STRATEGIK ICT SPA 2016-2020

Pengerusi SPA , Tan Sri Arpah Abdul Razak merasmikan Bulan ICT SPA 2017 dan melancarkan Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020 di Ibu Pejabat SPA, Putrajaya.



# 13 SEPTEMBER 2017

## MAJLIS MENANDATANGANI KERJASAMA STRATEGIK ANTARA SPA DAN LHDNM

SPA dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menandatangani kerjasama strategik pelaksanaan Sistem Peperiksaan *Online* dan e-Tapis di Menara Hasil, Cyberjaya sambil disaksikan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri Arpah Abdul Razak dan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Datuk Sabin Samilah.



# 11 OKTOBER 2017

## MAJLIS PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA SPA TAWAU, SABAH

Penyerahan cenderamata kepada Tan Sri Arpah Abdul Razak Sempena Majlis Perasmian Pusat Temuduga Tawau, Sabah.



# 20 NOVEMBER 2017

## MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI SPA TAHUN 2017

Pengerusi SPA, Tan Sri Arpah Abdul Razak telah merasmikan sambutan Hari Inovasi dan Integriti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Tahun 2017, yang diadakan di Putrajaya. Sambutan yang bertemakan "Integriti dan Inovasi Merealisasi Transformasi" turut dihadiri Timbalan Pengerusi SPA, Dato' Sri Zoal Azha Yusof. Pada majlis itu, Setiausaha SPA, Dato' Zainal Abidin Ahmad menandatangani Ikrar Bebas Rasuah dan turut disaksikan oleh Timbalan Pesuruhjaya SPRM, Dato' Abdul Samat Kasah.

